

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]**

TARIKH : 28 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN : 36

Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA** menyatakan jumlah menara selular kecil yang boleh memberi liputan dalam radius seluas tiga hingga lima kilometer dengan capaian sekurang-kurangnya 2G dan 3G di seluruh negara terutama di Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pada waktu ini, jumlah keseluruhan menara komunikasi sel kecil (*micro/small cell*) yang telah dibina dan diaktifkan di bawah program Pemberian Perkhidmatan Sejagat di seluruh negara ialah sebanyak 100 buah menara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 40 buah menara telah dibina dan diaktifkan di negeri Sabah.